

20/02/2001

Umno kaji syarat Pas (HL)

Zulkofli Jamaludin

PUTRAJAYA, Isnin - Biro Politik Umno hari ini mengarahkan jawatankuasa teknikalnya mengkaji semua syarat Pas bagi pertemuan perpaduan Melayu, yang membabitkan dasar kerajaan.

Bagaimanapun, mesyuarat itu, yang dipengerusikan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Sri Perdana, di sini petang ini, mahu jawatankuasa teknikalnya meneruskan perbincangan dengan jawatankuasa teknikal Pas.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata syarat Pas itu perlu dikaji kerana ia membabitkan dasar kerajaan sedangkan perbincangan perpaduan Melayu yang dicadangkan adalah antara Umno dengan Pas, bukan antara Pas dan kerajaan.

"Yang berbincang dengan Pas adalah Umno, iaitu antara parti, manakala perkara yang dibangkitkan Pas berkaitan soal kerajaan.

"Umno adalah parti dalam kerajaan Barisan Nasional (BN) dan kita kena berunding juga dengan parti komponen," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Mesyuarat lebih dua jam itu turut dihadiri Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tiga Naib Presiden - Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib - serta Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Beberapa pemimpin Badan Perhubungan Umno negeri turut hadir, termasuk Tan Sri Mohd Isa Samad, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Seri Osu Sukam, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Datuk Idris Jusoh.

Semalam, Pas menanggungkan pertemuannya dengan Umno yang dijadualkan hari ini dan mengemukakan tiga tuntutan baru sebagai syarat mewujudkan suasana pertemuan yang kondusif.

Tiga tuntutan itu ialah mengembalikan royalti minyak (wang ihsan) yang diberikan Kerajaan Persekutuan kepada Terengganu; membenarkan penerbitan Harakah dua kali seminggu; dan kerajaan menolak cadangan Umno supaya melarang penggunaan perkataan Islam pada parti politik.

Khalil berkata, beliau memberi taklimat mengenai surat Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, yang meminta pertemuan kedua-dua pemimpin ditangguhkan.

Katanya, beliau menjelaskan keputusan Umno itu kepada Pas apabila mesyuarat jawatankuasa teknikal kedua-dua parti diadakan.

Ditanya apakah beliau optimis pertemuan di antara Umno dan Pas dapat menjadi kenyataan, Khalil berkata Pas mahu mesyuarat antara jawatankuasa teknikal diteruskan.

(END)